

6 FEB 1996

Mohamed-S46

BN SEDIA TIMBANG KEMASUKAN S46 SEBAGAI ANGGOTA KOMPONEN

KUALA LUMPUR, 6 Feb (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) sedia menimbangkan kemasukan Parti Melayu Semangat 46 (S46) sebagai anggota komponen BN sekiranya parti itu mengemukakan permohonan sedemikian.

Setiausaha Agung BN Datuk Mohamed Rahmat berkata, bagaimanapun perkara itu perlu dipersetujui sebulat suara oleh parti-parti komponen BN sebelum S46 boleh diterima masuk.

"BN sedia mengkaji permohonan mana-mana parti yang ingin menyertainya dengan syarat mereka sanggup menerima konsep dan perjuangan BN," katanya kepada pemberita sebelum majlis berbuka puasa bersama kakitangan Kementerian Penerangan di sini hari ini.

Ketika ditanya sama ada S46 pernah secara terbuka melahirkan keinginan untuk menyertai BN, Mohamed berkata: "Saya ada mendengar bermacam-macam cakap dan S46 perlu menyatakan niat mereka dengan terang...boleh senang kita fikir...main jolok-jolok sana sini susahlah."

Mohamed, yang juga Menteri Penerangan, berkata BN tidak mengenakan sebarang syarat kepada mana-mana pihak yang ingin menyertainya.

"Yang mustahak ialah mereka menyertai BN kerana dasar terbuka parti itu dan kerana mereka menerima perjuangan BN...itupun jika ada permohonan," katanya.

Beliau juga berkata Majlis Penerangan Kebangsaan yang bermesyuarat hari ini bersetuju untuk menjalankan program Gerak Kerja Mesra di peringkat negeri.

Program Gerak Kerja Mesra yang pertama akan diadakan di Johor pada bulan April, katanya.

Program Gerak Kerja Mesra Kebangsaan, yang antara lain bertujuan memupuk semangat perpaduan antara pelbagai kaum, dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Disember tahun lepas. -- BERNAMA